| *Core Team* Analitik Data Raya (CTADR) | https://coreteambda.wixsite.com/blog |
| Bahagian Petunjuk Ekonomi (BPE) | https://bpedosm.wixsite.com/bpeblog |
| Bahagian Metodologi dan Penyelidikan (BMP) | https://statsmethodology.wixsite.com/blog |

## PORTAL DATA DOSM

| PORTAL | LINK | QR CODE |
|---|---|---|
| Portal | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php | |
| e-Statistik | https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epLogin.seam | |
| StatsDW | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=Yk9tK2xVSmRXbzRvTU9rSlR4OE1nZz09 | |
| StatsBDA | https://statsbda.dosm.gov.my/ | |
| Stats Geoportal | https://statsgeo.mycensus.gov.my/geostats/ | |
| Stats Digital | https://statsdigital.stats.gov.my/ | |
| MyCensus | https://www.mycensus.gov.my/ | |

## APLIKASI MUDAH ALIH DOSM

| APLIKASI | LINK | QR CODE |
|---|---|---|
| DOSM | https://play.google.com/store/apps/details?id=com.opensoft.dosmandroid | |
| | https://apps.apple.com/my/app/dosm/id1255167760 | |
| BizCode | https://play.google.com/store/apps/details?id=com.ebdesk.mobile.bizcodestats | |
| | https://apps.apple.com/my/app/bizcode-stats/id1275363483 | |

## DASHBOARD DOSM

| DASHBOARD | LINK | QR CODE |
|---|---|---|
| Malaysia CPI Inflation Calculator | https://www.dosm.gov.my/cpi_calc/ | |
| MyLocal Stats | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=UEg1NkpJUFYzRzBKcIE4V2JEb2I3QT09 | |
| MyPrice Dashboard | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=YkZ5bUlLa09kaDlRQ1V5aDZteEtxZz09 | |
| Agricultural Analytical System | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=d3kzVFpRalVXQlpSbEJoUnJ5aXFYUT09 | |
| Tourism Dashboard | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthree&menu_id=RTJvYXZxMlJoSEdYcG5jbXpPL0xJdz09 | |
| Malaysia Economic Recovery Dashboard | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=Y1VqaXR5c1RGSGNueW5CV1YzMm85QT09 | |
| National Occupational Accident Statistics | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=SzRzZDhPdTVBdzN2aEQwLzhXS0tjUT09 | |
| Job Market Insights | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=MEg4ZXhiSkhZQml6UnBMYlZraHR0QT09 | |
| My Job Profile | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=TVRVSXp1M2cvNEEwaGdNaHpBL2ZjZz09 | |
| Malaysia Labour Market Interactive Data | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=aEYvYnVBYUpQTThHamJSVFVHM0ZYQT09 | |
| Population Clock | https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=columnnew/populationclock | |

Untuk maklumat lanjut, layari www.dosm.gov.my atau imbas kod QR
*For more information, visit www.dosm.gov.my or scan QR code*

# *NEWSLETTER* JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

27

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**
*This page is deliberately left blank*

# NEWSLETTER 2020

https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cone&menu_id=WVVVd2JSeEx1SkF0ZWJjU0l1cjJ1dz09

Untuk maklumat lanjut, layari www.dosm.gov.my
*For more information, visit www.dosm.gov.my*

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| COVID-19 | EKONOMI | IMPAK PKP KEPADA SEKTOR PERTANIAN |
| | | KAJIAN KES IMPAK PKP KEPADA SEKTOR PEMBUATAN |
| | | *SMALL & MEDIUM ENTERPRISES: POLICY RESPONSES TO THE COVID-19 PANDEMIC IN MALAYSIA* |
| | PELANCONGAN | COVID-19: KESAN KEPADA KETIBAAN PELANCONG |
| | PERKHIDMATAN | KAJIAN IMPAK : PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TERHADAP SUBSEKTOR PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KENDERAAN BERMOTOR MALAYSIA |
| | | KAJIAN IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KEPADA SEKTOR PERKHIDMATAN DI MALAYSIA |
| | SOSIAL | KAJIAN KES IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN KEPADA PENDUDUK MALAYSIA |
| | | KAJIAN IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)KEPADA PERBELANJAAN ISI RUMAH (IR)/ *STUDY ON THE IMPACT OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) TO HOUSEHOLD EXPENDITURE* |
| | | *IMPACT OF MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) TO EXPORTS AND IMPORTS OF SELECTED FOOD COMMODITIES*/ IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) KE ATAS EKSPORT & IMPORT KOMODITI MAKANAN TERPILIH |
| | | BEKERJA SENDIRI: PROFIL DI MALAYSIA DAN KESAN COVID-19 |
| EKONOMI | AKAUN NEGARA | *MALAYSIAN ECONOMIC INDICATORS: LEADING, COINCIDENT & LAGGING INDEXES* |
| | PELANCONGAN | AKAUN SATELIT PELANCONGAN/ *TOURISM SATELLITE ACCOUNTS* |
| | | *DOMESTIC TOURISM* |
| | PEMBUATAN | INDUSTRI PEMBUATAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK, PETROLEUM, KIMIA, PLASTIK DAN GETAH |
| | | PRESTASI KEJURUTERAAN AWAM, PEMBUATAN LOGAM DAN MINERAL BUKAN LOGAM |
| | | INDUSTRI KENDERAAN BERMOTOR, PEMBINAAN KAPAL DAN BOT |
| | | INDUSTRI PEMBUATAN MAKANAN DAN MINUMAN, KELAPA SAWIT DAN TEKSTIL |

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| | PERKHIDMATAN | *INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT (ICTSA)*/ AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ASTMK) |
| | | *SERVICES ACCOUNT*/ AKAUN PERKHIDMATAN |
| | | PENGANGKUTAN, INFORMASI DAN KOMUNIKASI |
| | | PENDIDIKAN, KESIHATAN DAN PROFESIONAL |
| | | *FINANCIAL, INSURANCE & TAKAFUL AND REAL ESTATE SERVICES* |
| | | STATISTIK HALAL |
| | PERTANIAN, PERHUTANAN & PERIKANAN | TANAMAN |
| | | PERIKANAN |
| | | PERHUTANAN DAN PEMBALAKAN |
| | LAIN-LAIN | PENGUSAHA KECIL DALAM SEKTOR PERTANIAN |
| | | *MALAYSIA DIGITAL ECONOMY* |
| | | PENYERTAAN WANITA DALAM EKONOMI |
| | | EVOLUSI FDI DI MALAYSIA |
| | | *EXTERNAL SECTOR INWARD & OUTWARD FOREIGN AFFILIATES STATISTICS* |
| | | EVOLUSI IMPORT KATEGORI EKONOMI UMUM (BEC) |
| | | *MALAYSIA WHOLESALE & RETAIL TRADE LANDSCAPE* |
| | | MAKANAN & MINUMAN DAN PENGINAPAN |
| SOSIAL | DEMOGRAFI | *MY LOCAL STATS* |
| | | FERTILITI DAN MORTALITI: PERALIHAN DEMOGRAFI MALAYSIA |
| | | *EVOLUTION OF MIGRATION FOR URBAN AND RURAL* |
| | | EVOLUSI PENDUDUK DI MALAYSIA |
| | | GLOBAL STATISTICAL GEOSPATIAL FRAMEWORK (GSGF) |
| | PERBELANJAAN & PENDAPATAN ISI RUMAH | PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH M40 DAN B40 MENGIKUT NEGERI |
| | | *EXPENDITURE PATTERNS OF T20 HOUSEHOLDS BY STATE IN MALAYSIA* |
| | | INDEKS HARGA PENGGUNA |
| | TENAGA BURUH | "PEKERJA GIG DI MALAYSIA: KAJIAN & DEFINISI PENGANGGARAN"/ *"GIG WORKERS IN MALAYSIA: A REVIEW OF DEFINITION & ESTIMATION"* |
| | | GUNA TENAGA MENGIKUT ETNIK |
| | | EVOLUSI GAJI DAN UPAH |
| | | SITUASI PEKERJA BUKAN WARGANEGARA DI MALAYSIA |
| | | GUNA TENAGA, PRODUKTIVITI & UPAH |
| | | *THE EVOLUTION OF UNEMPLOYMENT IN MALAYSIA* |
| | LAIN-LAIN | KAJIAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA |
| | | INDEKS HARGA PENGELUAR |
| | | SEKTOR INFORMAL IN MALAYSIA |
| KORPORAT | LAIN-LAIN | *INTERACTIVE MALAYSIA STATISTICAL BUSINESS REGISTER (i-MSBR)* |

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| | | *BIG DATA* |
| | | *STATSDIGITAL* |

# NEWSLETTER 2021

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| BANCI | BANCI | *DOSM OLDEST DIGITAL PUBLICATION REPORT ON THE CENSUS OF THE STRAITS SETTLEMENT, 1891*<br><br>PENERBITAN DIGITAL TERTUA DOSM REPORT ON THE CENSUS OF THE STRAITS SETTLEMENT, 1891 |
| | | *DIGITAL PUBLICATION*<br>*TOP 3 MOST POPULAR* DIGITAL PUBLICATION*<br><br>PENERBITAN DIGITAL<br>3 PENERBITAN DIGITAL PALING POPULAR* |
| | | *POPULATION CENSUS 1891 VOL II PERAK* |
| | | *BRITISH MALAYA A REPORT ON THE 1931 CENSUS*<br>BRITISH MALAYA LAPORAN BANCI PADA TAHUN 1931 |
| | | *FEDERAL MALAY STATES POPULATION CENSUS 1901, VOL. 1* |
| | | *POPULATION CENSUS 1901 VOL II* |
| | | *POPULATION CENSUS 1921 VOL I* |
| | | *MALAYA A REPORT ON THE 1947 CENSUS OF POPULATION* |
| BANJIR | DEMOGRAFI | BENCANA BANJIR SHAH ALAM: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR ULU LANGAT: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR SEPANG: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR KUALA LANGAT: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR TEMERLOH: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR ALOR GAJAH DAN JASIN: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR GOMBAK: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR KUALA SELANGOR: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR SABAK BERNAM: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR BENTONG: FAKTA DAN ANGKA |
| | PERBELANJAAN & PENDAPATAN ISI RUMAH | PURATA HARGA ITEM TERPILIH PASCA BANJIR |
| COVID-19 | BANCI | IMPAK PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TERHADAP PUBLISITI BANCI MALAYSIA 2020 DI MEDIA MASSA |
| | EKONOMI | *INSIGHT*: KESAN COVID 19 KEPADA INFLASI |
| | | PKP: ISU DAN CABARAN PENGUMPULAN DATA DI NEGERI |
| | LAIN-LAIN | *PATH OF PANDEMIC* |
| EKONOMI | AKAUN NEGARA | PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA:<br>INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN |
| | | *SYSTEM OF NATIONAL ACCOUNTS (SNA) AT A GLANCE* |

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| | PERDAGANGAN | *TRADE IN VALUE ADDED: BASIC TRADE INDICATORS* |
| | LAIN-LAIN | *MY LOCAL STATS_THE BEST EXAMPLE IN DATA OPENNES*<br>*MY LOCAL STATS*_CONTOH TERBAIK DALAM KETERBUKAAN DATA |
| | | SEKTOR DAN SUB SEKTOR PERKHIDMATAN |
| SOSIAL | TENAGA BURUH | *LABOUR DEMAND: CHANGING OF JOB VACANCIES TREND IMPACT OF MOVEMENT CONTROL ORDER* |
| | | *THE NATIONAL-INTERNATIONAL EMPLOYEE AND EMPLOYER PERSPECTIVE ON WORK FROM HOME* |
| | | PENAMATAN KONTRAK PERKHIDMATAN: TANGGUNGJAWAB, HAK DAN PELUANG |
| | LAIN-LAIN | *BIG DATA IN MALAYSIA 2020 - MEDIA INTELLIGENCE REPORT*<br>DATA RAYA DI MALAYSIA 2020 - LAPORAN MEDIA *INTELLIGENCE* |
| | | *RENEWABLE ENERGY* |
| | | MEMAHAMI KONSEP DAN DEFINISI INDEKS KEHARMONIAN PERUSAHAAN (IHI) MALAYSIA |
| | | *AN INTRODUCTION TO VOLUNTEERISM IN MALAYSIA: DISCOVERING MALAYSIAN VOLUNTEERS* |
| | | PERLINDUNGAN SOSIAL DI MALAYSIA |
| KORPORAT | ANTARABANGSA | *52ND UNITED NATIONS STATISTICAL COMMISSION SESSION (#UN52SC) 2021* |
| | | *UNITED NATIONS WORLD DATA FORUM 2021 (UNWDF2021)* |

# NEWSLETTER 2022

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| BANCI | BANCI | *POPULATION CENSUS 1921 VOL II* |
| | | *POPULATION CENSUS 1921, VOL III* |
| BANJIR | DEMOGRAFI | BENCANA BANJIR - SEGAMAT: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - TANGKAK: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - KUALA PILAH: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - JEMPOL: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - LIPIS & RAUB: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - JELI: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - KUANTAN: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - PEKAN: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - KUALA KRAI: FAKTA DAN ANGKA |
| | | BENCANA BANJIR - JERANTUT: FAKTA DAN ANGKA |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS AND SMALL BUSINESSES (CASE STUDY: KAMPUNG SG. SERAI, HULU LANGAT*)*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU DAN PENIAGA KECIL (KAJIAN KES: KAMPUNG SG. SERAI, HULU LANGAT*) |

| KATEGORI | SUB KATEGORI | TAJUK |
|---|---|---|
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: SEGAMAT, JOHOR*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: SEGAMAT, JOHOR |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: JELI, KELANTAN*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: JELI, KELANTAN |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: ALOR GAJAH, MELAKA*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: ALOR GAJAH, MELAKA |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: MENTAKAB, PAHANG*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: MENTAKAB, PAHANG |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: KOTA MARUDU, SABAH*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: KOTA MARUDU, SABAH |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: KG KASIPILLAY, KL*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: KG KASIPILLAY, KL |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: JALAN TIONG NAM, KL*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: JALAN TIONG NAM, KL |
| | | *IMPACT OF FLOODS ON INDIVIDUALS: KLANG, SELANGOR*<br>SURVEI IMPAK BENCANA BANJIR TERHADAP INDIVIDU: KLANG, SELANGOR |
| | PERBELANJAAN & PENDAPATAN ISI RUMAH | ANGGARAN PERBELANJAAN BARANGAN KEPERLUAN TERPILIH PASCA BANJIR |
| EKONOMI | LAIN-LAIN | SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA<br>*MALAYSIAN ECONOMIC STATISTICS REVIEW (MESR)* |
| SOSIAL | TENAGA BURUH | LAPORAN PENYIASATAN TENAGA BURUH MALAYSIA 1985-1986 |

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**
*This page is deliberately left blank*

# LAGU : STATISTIK… SEGALANYA PASTI

28

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**
*This page is deliberately left blank*

## "Statistik Segalanya Pasti"

Tak kira walau apa
Cabaran dan aral melintang
Statistik meringankan
Segala beban yang menjelma
Gementar tiada

Bersama kita teguh hadapi
Bentala dipenuhi misteri
Namun statistik kan melindungi
Statistik petunjuk realiti

Korus:
Kesejahteraan negara
Perpaduan seluruh bangsa
Dengan irama data

Tidak hanya berbicara
Pagi hingga ke senja
Semangat yang terus membara
Data dan kehidupan
berteraskan harapan
dan impian kemakmuran

Segalanya pasti
Bergalaskan strategi
Menuju aspirasi

Harapan.. Keamanan
Impian... Kedamaian

## *"Statistics Bloom in Harmony"*

*Doesn't matter far or near*
*Strength in numbers we don't live in fear*
*Birds of feather flock together*
*Statistics our form of adour*
*We, will always live it up*

*So let us live in solidarity*
*And in the world arena we'll succeed*
*It is statistics that will come to be*
*The reason we will bloom in harmony*

*Chorus:*
*Everybody undivided*
*Data's where our hearts reside in*
*There will always be a bind*

*Just like fire that ignites*
*That's how brightly lit our dreams are*
*We'll reach higher than the stars*
*Sending love to one another*
*Leaving no one in a slumber*
*We will stand with unity*

*Mustering our courage while*
*Embracing our disparities*
*We'll achieve our victory*

*One dream with unity*
*One love with harmony*

***Youtube:***
https://www.youtube.com/watch?v=2-JiIkYYouY

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**
*This page is deliberately left blank*

# NOTA TEKNIKAL

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**
*This page is deliberately left blank*

# 1. MAKLUMAT ASAS

**Luas Kawasan**

Luas kawasan adalah berdasarkan persempadanan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) tahun 2018.

# 2. PENDUDUK

## 2.1 Kumpulan Etnik

Pengelasan kumpulan etnik adalah berasaskan klasifikasi yang telah digunakan semasa Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.




## 2.2 Purata Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan

Merujuk kepada perubahan penduduk sejajar dengan perubahan masa dan boleh dikira sebagai perubahan bilangan individu dalam penduduk menggunakan "per unit masa" sebagai pengukuran. Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan ialah:

$$r = \frac{1}{n} \ln \left[ \frac{P_{t+n}}{P_t} \right] \times 100$$

di mana;

$r$ = purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan;

$P_t$ = bilangan penduduk pada tahun $t$;

$P_{t+n}$ = bilangan penduduk pada tahun $t+n$;

$n$ = bilangan tahun; dan

$ln$ = logaritma asli

## 2.3 Nisbah Tanggungan

Nisbah tanggungan merupakan nisbah tanggungan kepada 100 orang penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah ini boleh dibahagikan kepada jumlah nisbah tanggungan, nisbah tanggungan muda dan nisbah tanggungan umur tua.

### 2.3.1 Nisbah Tanggungan Jumlah

Merujuk kepada nisbah bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun dan yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

$$\text{Nisbah tanggungan jumlah} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun } t + \text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

### 2.3.2 Nisbah Tanggungan Muda

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur bawah 15 tahun kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

$$\text{Nisbah tanggungan muda} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur bawah 15 tahun dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

### 2.3.3 Nisbah Tanggungan Tua

Merujuk kepada nisbah di antara bilangan penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih kepada bilangan penduduk yang berumur 15-64 tahun.

$$\text{Nisbah tanggungan tua} = \frac{\text{Bilangan penduduk umur 65 tahun dan lebih dalam tahun } t}{\text{Bilangan penduduk umur 15-64 tahun dalam tahun } t} \times 100$$

## 2.4 Nisbah Jantina

Merujuk kepada bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan.

$$\text{Nisbah jantina} = \frac{\text{Bilangan lelaki dalam tahun } t}{\text{Bilangan perempuan dalam tahun } t} \text{ X } 100$$

## 2.5 Penuaan Penduduk

Berdasarkan kriteria *United Nations* (UN), penuaan dikategorikan mengikut tiga kumpulan iaitu:

i. *Ageing society* : merujuk kepada peratusan penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencapai tujuh peratus daripada jumlah penduduk;

ii. *Aged society* : merujuk kepada peratusan penduduk berumur 65 tahun dan mencecah 14 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk; dan

iii. *Super-aged society* : merujuk kepada peratusan penduduk yang berumur 65 tahun di sesebuah negara telah mencapai 20 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

Berdasarkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (2016), Malaysia telah mentakrifkan warga tua sebagai mereka yang berumur 60 tahun dan lebih seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing di Vienna* (PBB, 1982). Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (KPWKM), penuaan ialah apabila penduduk berumur 60 tahun dan lebih mencecah 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk.

## 2.6 Kepadatan Penduduk

Kepadatan penduduk bagi satu kilometer persegi ialah nisbah penduduk sesebuah kawasan geografi yang tertentu pada keluasan kilometer persegi untuk kawasan yang sama.

## 2.7 Kelahiran dan Kematian

Perangkaan kelahiran dan kematian dalam penerbitan ini adalah berasaskan tempat kediaman biasa ibu atau si mati.

## 2.8 Kelahiran Hidup

Kelahiran hidup merujuk kepada kelahiran bernyawa semasa dilahirkan walaupun hanya seketika.

## 2.9 Isi Rumah

Isi rumah ditakrifkan sebagai seorang atau sekumpulan orang yang bersaudara atau orang yang tidak bersaudara yang biasanya tinggal bersama dan membuat peruntukan yang sama untuk makanan dan keperluan hidup yang lain.

## 2.10 Tempat Kediaman

Tempat kediaman adalah struktur yang dibina berasingan dan bebas yang lazimnya digunakan untuk tempat tinggal. Takrifan perkataan berasingan dan bebas adalah seperti berikut:

i. Berasingan

Struktur dianggap sebagai berasingan jika ia dikelilingi sama ada dinding, pagar atau sebagainya serta ditutupi oleh bumbung.

ii. Bebas

Struktur dikatakan bebas apabila ia mempunyai jalan masuk terus dari laluan umum, tempat lalu lintas atau ruang lapang (iaitu penghuni boleh masuk atau keluar dari tempat kediaman mereka tanpa melalui perkarangan orang lain).

## 2.11 Purata Saiz Isi Rumah

Purata saiz isi rumah ialah bilangan orang bagi setiap isi rumah dan dikira seperti berikut:

$$\text{Purata saiz isi rumah} = \frac{\text{Bilangan penduduk}}{\text{Bilangan isi rumah}}$$

### 2.12 Saiz Purata Isi Rumah Persendirian

Purata saiz isi rumah persendirian ialah bilangan orang dalam setiap isi rumah dan dikira seperti berikut:

$$\text{Saiz purata isi rumah persendirian} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam isi rumah persendirian}}{\text{Bilangan isi rumah persendirian}}$$

### 2.13 Pembundaran Nilai

Data penduduk dalam penerbitan ini telah dibundarkan kepada ribu terhampir. Walau bagaimanapun, pengiraan indikator adalah berdasarkan data yang tidak dibundarkan.

## 3. PERUMAHAN

Bab ini membentangkan perangkaan yang disediakan mengikut Parlimen bagi tahun 2019 dianggarkan berdasarkan kepada data Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019. Survei ini dijalankan dua kali dalam tempoh lima tahun. Maklumat perumahan dalam penerbitan ini adalah jenis pemilikan. Ralat piawaian relatif bagi Parlimen tertentu adalah tinggi dan perlu ditafsir dengan berhati-hati.

## 4. GUNA TENAGA

Carta Rajah Konsep Survei Tenaga Buruh



## 4.1 Tenaga Buruh

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam umur bekerja 15 hingga 64 tahun sama ada bekerja atau menganggur.

## 4.2 Bekerja

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

i) Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja;

ii) Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula; dan

iii) Bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan bentuk kerja atau disebabkan kurang kerja dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja. Kumpulan ini merupakan guna tenaga tidak penuh.

Mereka yang bekerja lebih daripada 30 jam semasa minggu rujukan merupakan guna tenaga penuh.

## 4.3 Penganggur

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

Penganggur aktif adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

Penganggur tidak aktif adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

i) Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan;

ii) Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan

iii) Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

## 4.4 Kadar Penyertaan Tenaga Buruh

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai kadar penyertaan tenaga buruh.

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) dalam bentuk peratusan.

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15-64 tahun)}} \times 100$$

## 4.5 Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja.

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

## 4.6 Luar Tenaga Buruh

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai luar tenaga buruh. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan.

## 4.7 Kemahiran

Tiga tahap kemahiran dikelaskan mengikut kategori pekerjaan telah dikelaskan seperti berikut:

| Tahap Kemahiran | Pekerjaan |
|---|---|
| Mahir | 1. Pengurus<br>2. Profesional<br>3. Juruteknik dan profesional bersekutu |
| Separuh Mahir | 4. Pekerja sokongan perkeranian<br>5. Pekerja perkhidmatan dan jualan<br>6. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan Perikanan<br>7. Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan<br>8. Operator mesin dan loji, dan pemasang |
| Berkemahiran Rendah | 9. Pekerja asas |

## 4.8 Pencapaian Pendidikan

Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi. Ia dikategorikan seperti berikut:

i) Tiada pendidikan rasmi

Mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberikan pendidikan secara rasmi;

ii) Rendah

Mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Darjah 1 hingga 6 atau yang setaraf dengannya;

iii) Menengah

Mereka yang telah mencapai pendidikan di peringkat Tingkatan 1 (termasuk kelas peralihan) hingga Tingkatan 5, General Certificate of Secondary Education (GCSE) 'O' Level atau yang setaraf dengannya. Turut termasuk dalam kategori ini ialah program kemahiran asas di institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal yang mana tempoh pengajian adalah sekurang-kurangnya enam bulan seperti GIATMARA; dan

iv) Tertiari

Mereka yang telah mencapai peringkat tertinggi selepas Tingkatan 5.

## 4.9 Gaji & Upah

Maklumat gaji & upah yang dikumpul adalah merujuk kepada pekerjaan utama yang dilakukan oleh pekerja kerajaan atau swasta dalam bulan rujukan. Maklumat kadar upah dapat digunakan untuk mengukur perbezaan upah dan juga menilai kaitan gaji & upah dengan mobiliti buruh.

Statistik gaji & upah yang dipaparkan dalam laporan ini adalah merujuk kepada kadar upah merangkumi gaji pokok, elaun sara hidup dan lain-lain elaun dalam bentuk tunai atau benda seperti makanan dan penginapan percuma atau konsesi yang dibayar secara tetap dan berkala serta bayaran kerja lebih masa. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk bonus dan gratuiti, elaun keluarga dan lain-lain bayaran keselamatan sosial oleh majikan.

## 4.10 Siswazah

Merujuk kepada individu yang memiliki sijil tertinggi yang diperoleh daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf, dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun. Siswazah dikelaskan kepada dua kategori iaitu siswazah yang memiliki diploma dan ijazah.

i) Diploma

Merujuk kepada sijil dan diploma atau setaraf yang diterima daripada universiti, kolej, diploma politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf. Tempoh pengajian untuk memperoleh diploma atau sijil adalah sekurang-kurangnya dua tahun dan

ii) Ijazah

Ijazah merujuk kepada semua ijazah universiti (Sarjana Muda, Sarjana atau Doktor Falsafah) yang diperoleh daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang diiktiraf di Malaysia dan di luar negara.

Definisi siswazah dalam laporan ini adalah berbeza dari definisi siswazah yang dilaporkan dalam Statistik Pendidikan Tinggi, Kajian Pengesanan Graduan dan Kajian Pengesanan Graduan TVET oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Siswazah yang dilaporkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi juga meliputi tempoh pengajian kurang dari dua tahun iaitu Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 1

hingga 3. Selain itu, siswazah yang dilaporkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah berdasarkan keluaran baharu siswazah sahaja.

### 4.11 Produktiviti Buruh

Produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per pekerja diukur sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (pekerja).

Produktiviti buruh mengikut nilai ditambah per jam bekerja ditakrifkan sebagai nisbah output (barangan dan perkhidmatan) kepada input (jumlah jam bekerja).

### 4.12 Prestasi Malaysia dalam Buku Daya Saing Dunia 2021

Buku Tahunan Daya Saing Dunia 2021 (WCY 2021) diterbitkan oleh The International Institute for Management Development (IMD) menjadi penanda aras prestasi daya saing ekonomi bagi 64 buah negara (63 buah negara pada 2020). Ia menilai 4 faktor iaitu prestasi ekonomi, kecekapan perniagaan, kecekapan kerajaan dan infrastruktur. Lima negara anggota ASEAN menyertai WCY 2021. Singapura kekal di kedudukan teratas, diikuti oleh Malaysia, Thailand, Indonesia dan Filipina. Daripada 64 buah negara, Singapura menduduki tempat ke-5, Malaysia ke-25, Thailand ke-28, Indonesia ke-37, dan Filipina ke-52.

## 5. PENDAPATAN ISI RUMAH

### 5.1 Pendapatan

Maklumat pendapatan yang terperinci diperoleh daripada ahli isi rumah yang menerima pendapatan. Konsep dan definisi pendapatan yang digunakan dalam penyiasatan ini adalah merujuk kepada *Canberra Group Handbook on Household Income Statistics, Second Edition (2011)* yang diterbitkan oleh *United Nations*. Punca pendapatan adalah merangkumi:

#### (i) Pekerjaan Bergaji

Pendapatan pekerjaan bergaji boleh diterima dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk barangan dan perkhidmatan. Ini termasuk upah dan gaji untuk masa bekerja dan kerja yang dilakukan; bonus tunai dan

ganjaran; komisen dan tip; elaun pengarah; bonus perkongsian keuntungan dan lain-lain bentuk pembayaran keuntungan yang berkaitan dan barangan & perkhidmatan percuma atau subsidi daripada majikan (termasuk makanan percuma/konsesi).

Dari segi konsep, pendapatan pekerja juga termasuk insurans sosial sumbangan daripada majikan, pencaruman majikan kepada KWSP dan bayaran pampasan pemberhentian & penamatan (kecuali bayaran persaraan *one-off* seperti gratuiti bagi pesara, yang dianggap sebagai pindahan modal).

**(ii) Bekerja Sendiri**

Pendapatan yang diterima oleh individu hasil daripada bekerja sendiri. Pendapatan bersih daripada bekerja sendiri termasuk keuntungan atau kerugian yang terakru kepada pemilik atau rakan kongsi atau mereka yang bekerja dalam perusahaan yang tidak diperbadankan. Ia juga termasuk anggaran nilai barangan dan perkhidmatan yang diperoleh melalui pertukaran barang serta barangan atau tanaman/ternakan yang dihasilkan untuk kegunaan sendiri, setelah ditolak kos perbelanjaan.

Asas untuk mengukur pendapatan daripada bekerja sendiri dalam statistik pendapatan isi rumah adalah berdasarkan konsep pendapatan bersih, iaitu, nilai output kasar ditolak kos operasi dan selepas pelarasan bagi susut nilai aset yang digunakan dalam pengeluaran. Keuntungan berlaku apabila penerimaan adalah lebih besar daripada perbelanjaan operasi, manakala kerugian berlaku apabila perbelanjaan operasi adalah lebih besar daripada penerimaan.

**(iii) Harta dan Pelaburan**

Pendapatan daripada harta dan pelaburan adalah terimaan daripada pemilikan aset, faedah, dividen dan sewa. Perincian adalah seperti berikut:

- Pendapatan daripada harta benda ditakrifkan sebagai pulangan daripada penggunaan atau pelaburan aset yang disediakan

kepada orang lain untuk kegunaan mereka. Ia merangkumi pulangan yang biasanya dalam bentuk kewangan, daripada aset kewangan (faedah dan dividen), aset bukan kewangan (sewa) dan royalti;

- Penerimaan faedah ialah bayaran yang diterima daripada akaun bank atau institusi kewangan yang lain, perakuan deposit, bon kerajaan/pinjaman, sekuriti, debentur dan pinjaman kepada ahli-ahli bukan isi rumah;
- Dividen adalah penerimaan daripada pelaburan dalam sebuah syarikat di mana pelabur tidak terlibat dengan aktiviti syarikat. Ini termasuk *silent partner*. Ia juga termasuk pencen dan anuiti dalam bentuk dividen daripada skim insurans swasta;
- Sewa ialah bayaran yang diterima untuk penggunaan aset seperti tanah dan rumah;
- Royalti adalah pendapatan yang diperoleh daripada perkhidmatan bahan dipatenkan atau hak cipta, contohnya seperti hak penulisan, hak cipta bagi gubahan lagu dan lain-lain; dan
- Sewa dinilai bagi rumah sendiri yang diduduki oleh pemiliknya.

**(iv) Pindahan Semasa Diterima**

Pindahan boleh terdiri daripada wang tunai, barangan atau perkhidmatan. Pindahan boleh dibuat antara isi rumah ke isi rumah yang lain, antara kerajaan dan isi rumah, atau antara isi rumah dan badan-badan amal. Penerimaan boleh daripada dalam atau luar negara. Pindahan semasa ini adalah bermotivasikan pengagihan semula pendapatan sama ada oleh kerajaan (contoh: bantuan pendidikan, zakat dan Bantuan Rakyat 1Malaysia - BR1M) atau persendirian/swasta (contoh: program tanggungjawab sosial korporat - CSR). Pindahan semasa yang diterima secara langsung memberi kesan kepada tahap pendapatan kasar dan mempengaruhi penggunaan barangan dan perkhidmatan. Justeru, semua pindahan semasa yang diterima dalam bentuk wang tunai dan barangan atau perkhidmatan adalah dianggap sebagai sebahagian daripada pendapatan. Walau bagaimanapun, pindahan semasa tersebut tidak meliputi pindahan modal.

## 5.2 Pendapatan Isi Rumah

Pendapatan isi rumah adalah keseluruhan pendapatan yang biasanya diterima (terakru) oleh ahli isi rumah, sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima berulang kali dalam tempoh rujukan penyiasatan.

## 5.3 Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah

Perbelanjaan penggunaan isi rumah adalah nilai daripada barangan dan perkhidmatan pengguna yang diperoleh, diguna atau dibayar oleh isi rumah melalui pembelian langsung, hasil pengeluaran sendiri, melalui pertukaran barangan dan perkhidmatan atau pendapatan dalam bentuk mata benda untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahli isi rumah.

Perbelanjaan diklasifikasikan kepada 13 kumpulan utama mengikut *Classification of Individual Consumption According to Purpose (COICOP), United Nations*:

| | |
|---|---|
| 01 | Makanan & minuman bukan alkohol; |
| 02 | Minuman alkohol & tembakau; |
| 03 | Pakaian & kasut; |
| 04 | Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain; |
| 05 | Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah; |
| 06 | Kesihatan; |
| 07 | Pengangkutan; |
| 08 | Komunikasi; |
| 09 | Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan; |
| 10 | Pendidikan; |
| 11 | Restoran & hotel; |
| 12 | Pelbagai barangan & perkhidmatan; dan |
| 13 | Pelbagai perbelanjaan & perbelanjaan kewangan. |

## 5.4 Insiden Kemiskinan

Konsep kemiskinan yang digunakan adalah mengambil kira PGK makanan dan PGK bukan makanan bagi setiap isi rumah. Sesebuah isi rumah dianggap miskin jika pendapatan mereka kurang daripada nilai PGK yang diperlukan. Ini

bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya. Sesebuah isi rumah dianggap miskin tegar jika pendapatannya kurang daripada nilai PGK makanan yang diperlukan. Definisi PGK adalah seperti di nota teknikal di bawah Sub Kemiskinan 8.2: Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Pengiraan Insiden Kemiskinan merangkumi kesemua isi rumah yang mempunyai pendapatan kasar bulanan di bawah PGK. Formula pengiraan Insiden Kemiskinan adalah seperti berikut:

$$\text{Insiden Kemiskinan} = \frac{\text{Bilangan Isi Rumah berpendapatan di bawah PGK}}{\text{Jumlah Isi Rumah}} \text{ X } 100$$

**Kemiskinan Mutlak**

Kemiskinan mutlak adalah keadaan di mana pendapatan isi rumah tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup asas iaitu makanan, perlindungan dan pakaian. Kemiskinan mutlak diukur dengan mendefinisikan garis kemiskinan.

## 5.5 Pekali Gini

Pekali Gini (G) ialah ukuran pemusatan pendapatan berdasarkan Keluk Lorenz. Keluk ini dihasilkan dengan memplot peratus isi rumah kumulatif pada paksi X dan peratus jumlah pendapatan kumulatif yang diterima oleh isi rumah pada paksi Y. Nilai pekali Gini berada antara 0 dan 1, di mana 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala nilai 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama.

Pekali Gini (G) ditakrifkan sebagai nisbah kadaran keluasan di antara garis pepenjuru dan keluk Lorenz (A) kepada keluasan di bawah garis pepenjuru (A+B) seperti dalam Rajah 1, di mana

$$G = \frac{A}{A+B} = \frac{\text{Luas kawasan antara keluk dan pepenjuru}}{\text{Luas kawasan di bawah garis pepenjuru}}$$

$$= \frac{0.5 - \text{luas kawasan di bawah keluk}}{0.5}$$

atau secara matematiknya

$$G = 1 - \sum_{i}^{k} (f_{i+1} + f_i)(Y_i + Y_{i+1})$$

**Rajah 1**




## 6. PENDIDIKAN

### 6.1 Sekolah

Sekolah terbahagi kepada dua kategori iaitu sekolah rendah dan menengah, meliputi sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan serta sekolah swasta. Sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) meliputi sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Tamil dan Cina), sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) serta sekolah khas. Manakala sekolah agensi kerajaan selain KPM merujuk kepada Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dan sekolah tentera. Selain itu, terdapat sekolah

di bawah seliaan Kerajaan Negeri iaitu sekolah agama negeri dan sekolah agama rakyat.

### 6.2 Guru

Bilangan guru termasuk guru terlatih dan tidak terlatih serta guru tetap dan sementara. Guru dibahagikan kepada guru sekolah rendah dan menengah.

### 6.3 Murid

Murid sekolah terbahagi kepada empat peringkat iaitu prasekolah, rendah, menengah dan lepasan menengah. Pelajaran peringkat rendah biasanya bermula pada peringkat umur sekurang-kurangnya tujuh tahun dan mengambil masa selama enam tahun bagi menamatkan pelajaran pada peringkat tersebut. Pada peringkat pelajaran menengah, kumpulan umur adalah 13 hingga 17 tahun. Manakala murid tingkatan enam termasuk dalam peringkat lepasan menengah.

## 7. KESIHATAN

**Hospital Kerajaan**

Hospital Kerajaan ialah semua hospital yang dianggotai oleh sekurang kurangnya seorang doktor dan menyediakan wad bagi menempatkan pesakit, memberi rawatan perubatan dan penjagaan yang aktif. Pertubuhan yang hanya memberi rawatan penjagaan tidak diambil kira.

## 8. KEMISKINAN

### 8.1 Ketua Isi Rumah

Ketua Isi Rumah (KIR) ditakrifkan sebagai ahli isi rumah yang dipilih dalam kalangan penerima pendapatan utama dan bertanggungjawab terhadap ahli isi rumah lain di sesebuah tempat kediaman. KIR yang dipilih mestilah warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun dan ke atas. Walau bagaimanapun, terdapat situasi tertentu yang membenarkan KIR yang dipilih adalah dalam kumpulan 15 tahun dan ke bawah kerana ibu bapa/ penjaga bukan warganegara.

### 8.2 Pendapatan Garis Kemiskininan (PGK)

Pendapatan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan setiap ahlinya untuk membolehkan mereka hidup dalam keadaan sihat dan selesa.

### 8.3 Miskin

Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai Miskin sekiranya pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK yang diperlukan. Ini bermaksud isi rumah tersebut kekurangan sumber pendapatan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahlinya.

### 8.4 Miskin Tegar

Sesebuah isi rumah dikategorikan sebagai Miskin Tegar sekiranya pendapatan isi rumah kurang daripada nilai PGK makanan yang diperlukan.

### 8.5 Sistem eKasih

Pangkalan Data Kemiskinan Nasional yang diwujudkan di peringkat nasional bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia berdasarkan PGK semasa. Sistem ini mengandungi profil individu, program/ bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program/ bantuan yang diterima bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program pembasmian kemiskinan.

## 9. KESELAMATAN AWAM

Maklumat tentang keselamatan awam yang dibentangkan dalam bab ini ialah bilangan ibu pejabat polis daerah, balai polis dan pondok polis serta bilangan balai bomba berdasarkan persempadanan pilihan raya SPR.

Bilangan ibu pejabat polis daerah/ balai polis/ pondok polis mungkin berbeza disebabkan oleh perbezaan persempadanan daerah pentadbiran polis dan persempadanan parlimen dan DUN.

## 10. INTERNET DAN MEDIA SOSIAL

**Pusat Internet Desa (PID)**

Pusat Internet Desa (PID) merupakan satu program *telecentre* yang mula beroperasi pada tahun 2003 dan menyediakan perkhidmatan mengakses komputer dan internet terutamanya di kawasan luar bandar. Program ini bertujuan untuk merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar bagi memudahkan capaian maklumat tanpa sempadan dan pada masa yang sama meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi digital.

## 11. KEMUDAHAN ASAS

Indikator yang disediakan mengikut Parlimen bagi tahun 2019 dianggarkan berdasarkan kepada data Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2019. Ralat piawaian relatif bagi Parlimen tertentu adalah tinggi dan perlu ditafsir dengan berhati-hati.

## 12. PERTUBUHAN/ SYARIKAT PERNIAGAAN

**Industri**

Industri dikelaskan mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1.0 berasaskan kepada *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (*ISIC*), Revision 4*. Keterangan kategori industri adalah seperti berikut:

| Seksyen | Keterangan |
|---|---|
| A | Pertanian, Perhutanan dan Perikanan |
| B | Perlombongan dan Pengkuarian |
| C | Pembuatan |
| D | Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara |
| E | Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan |
| F | Pembinaan |
| G | Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal |

| | |
|---|---|
| H | Pengangkutan dan penyimpanan |
| I | Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman |
| J | Maklumat dan komunikasi |
| K | Aktiviti kewangan dan insurans/takaful |
